AKHBAR : THE SUN DAILY
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATIONAL

THE SUN DAILY M/S 2 NATIONAL 23/12/2024 (ISNIN)

Govt pledges action to address nationwide shortage of doctors

Minister outlines plans to bolster medical workforce amid high number of resignations

KUALA LUMPUR: The Health Ministry does not take lightly the resignation of more than 6,000 doctors over the past five years.

Its minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the number included 3,200 contract medical officers (MO) who resigned to move to permanent positions, with some moving to the academic field, hence still contributing to the public health sector.

"I admit and am fully aware that the Health Ministry lacks staff, resulting in some of the ministry's personnel having to bear the burden of duties more than their colleagues.

"However, despite all the existing constraints, I will make sure all issues facing the Health Ministry on the ground will be dealt with in my second term as health minister," he said in a post on Facebook.

It was in response to a query by nephrology consultant Dr Rafidah Abdullah, who wanted to know the ministry's plans and strategies in dealing with the resignation of doctors, Bernama reported.

Dzulkefly also said the talent drain remains a significant challenge in all industries, including the health sector.

He said the ministry could not prevent MO and medical experts from migrating to the private sector, despite having implemented several strategies to retain them in the public sector.

"In the medium term, with the initiative of the Rakan KKM partnership, we will see some changes. The prospect of better rewards and upgraded health facilities, which will be achieved through cross-subsidisation by new income from #RakanKKM premium economic services, is expected to increase the incentive for them to remain in the public sector.

"The short-term measures include salary increases and adjustments, more flexible work schedules and allowing locum practices," he said, adding that the ministry remains committed to improving the balance between work and life, and the welfare of medical professionals as a whole.

Regarding the shortage of staff at the Seri Manjung Hospital in Perak, Dzulkefly said the Human Resources Department will allocate more MO to critical departments.

"There is an increase in the distribution of MO to all ministry facilities every year, and a new cohort of MO was distributed last week. Therefore, the Seri Manjung Hospital will also soon receive additional medical staff.

"This challenge is not limited to the Seri Manjung Hospital but throughout the country. Therefore, the ministry will make every effort to address this urgent need," he said, adding that he remains committed to realising the establishment of the Health Services Commission.

Dzulkefly meeting health officers and specialist doctors at the Sungai Buloh Hospital yesterday. – ***BERNAMAPIC***

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

NST MIS 8 NATION 23/12/2024 (ISNIN)

RETENTION STRATEGY

Seri Manjung Hospital to get more staff

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad

KUALA LUMPUR: Seri Manjung Hospital will receive additional medical staff following reports of higher workloads faced by its medical officers.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said addressing the issue of overworked healthcare staff was a key part of the Health Ministry's strategy.

This includes implementing salary adjustments, flexible working schedules, and allowing locum practices to improve work-life balance in the short term.

"I fully recognise the ministry's current staffing constraints and understand the immense burden placed on our overworked professionals.

"These challenges are not unique to Seri Manjung Hospital but form part of a nationwide issue that we are committed to addressing," he said on X.

Dr Dzulkefly acknowledged reports of over 6,000 doctors resigning in the past five years.

However, he said, this figure included 3,200 contract medical officers who resigned to transition into permanent positions.

He said brain drain, particularly in the private sector, remained a concern.

and enhancing public facilities through cross-subsidies from premium economy services.

"Long-term systemic reforms remain a priority.

"The Health White Paper outlines our vision for establishing the Health Services Commission, which will deliver sustainable solutions to staffing and operational challenges."

Dr Dzulkefly said the ministry was working with the Public Service Department and the Finance Ministry to secure resources and approvals.

"I remain steadfast in advancing the reforms we pledged, despite the resistance we face.

"Your dedication and support are crucial to achieving these reforms," he said in response to a question posed by Dr Rafidah Abdullah about the ministry's retention strategies raised on the platform.

The Perak Health Department has previously denied claims of overburdened workloads for medical officers at Seri Manjung Hospital, as recently reported by a website.

Its director, Dr Feisul Idzwan Mustapha, said the frequency of

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

THE STAR M/S 7 NATION 23/12/2024 (ISNIN)

Dzul aims to curb further talent drain of doctors

KUALA LUMPUR: The Health Ministry (MOH) does not take lightly the resignation of more than 6,000 doctors over the past five years, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The Health Minister said the number included 3,200 contract medical officers (MO) who resigned to move to permanent positions, with some moving to the academic field, hence still contributing to the public health sector.

"I admit and am fully aware that the ministry lacks staff, resulting in some MOH personnel having to bear the burden of duties more than other colleagues.

"Despite all the existing constraints, I will make sure all issues facing the ministry on the ground will be dealt with in my second term as minister," he said in a post on Facebook, Bernama reported.

It was in response to a query by nephrology consultant Dr Rafidah Abdullah who wants to know the ministry's plans and strategies in dealing with the doctors' resignations.

Dzulkefly said talent drain remains a significant challenge in all industries, including the health sector.

The ministry, he said, could not prevent MOs and medical experts from migrating to the private sector, despite having implemented several strategies to retain them in the public sector.

"In the medium term, with the initiative of Rakan KKM Partnership, we will see some changes. The prospect of better rewards and upgraded health facilities – which will be achieved through cross-subsidisation by new income from '#RakanKKM premium economic services' – is expected to increase the incentive for them to remain in the public sector.

"The short-term measures include salary increase and adjustment, more flexible work schedules, and allowing locum practices," he said, adding that the ministry remains committed to improving the balance between work and life, and the welfare of medical professionals as a whole.

Regarding the shortage of staff at Hospital Seri Manjung in Perak, he said the Human Resources Department will allocate more MOs to critical departments.

"There is an increase in the distribution of MOs to all MOH facilities every year, and a new cohort of MOs was distributed last week. Therefore, Hospital Seri Manjung will also soon receive additional medical staff.

"This challenge is not limited to Hospital Seri Manjung but throughout the country. The ministry will make every effort to address this urgent need," Dzulkefly said, adding that he remained committed to realising the establishment of the Health Services Commission.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Nasional

Isnin, 23 Disember 2024 BH

BH m/s 8 NASIONAL 23/12/2024 (ISNIN)

Isu kurang doktor dijangka selesai tempoh 2 tahun lagi

Kerajaan komited tingkat usaha tangani masalah dihadapi warga KKM

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) berjanji menyelesaikan semua isu membabitkan kemudahan dan petugasnya, termasuk kekurangan doktor dalam tempoh dua tahun lagi.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pentadbirannya tidak memandang ringan tindakan lebih 6,000 doktor yang meletak jawatan sepanjang lima tahun lalu.

Beliau berkata, jumlah itu termasuk 3,200 pegawai perubatan kontrak yang meletak jawatan untuk beralih ke jawatan tetap, selain sesetengah doktor beralih ke bidang akademik, namun masih menyumbang kepada pengukuhan sektor kesihatan awam.

Dr Dzulkefly Ahmad

"Saya akui dan sedari sepenuhnya KKM kekurangan kakitangan. Dalam itu, sesetengah warga KKM juga terpaksa menanggung bebanan tugas lebih daripada rakan lain. Saya pastinya tidak akan menafikan situasi ini.

"Namun, walau dengan segala kekangan yang wujud hari ini, saya akan pastikan semua isu dihadapi oleh warga KKM di lapangan akan ditangani dalam penggal kedua saya sebagai Menteri Kesihatan," katanya dalam catatan di media sosial.

Catatan berkenaan sebagai membalas pertanyaan pakar perunding nefrologi, Dr Rafidah Abdullah yang ingin tahu perancangan dan strategi KKM dalam mengatasi situasi isu peletakan jawatan oleh doktor.

Dr Dzulkefly berkata, ketirisan bakat menjadi cabaran dalam semua industri, termasuk sektor kesihatan dan KKM tidak dapat menghalang doktor dan pakar perubatan daripada berhijrah ke sektor swasta, walaupun melaksanakan beberapa strategi untuk mengekalkan mereka dalam sektor awam.

Ganjaran lebih baik

"Dalam jangka sederhana, dengan inisiatif Rakan KKM Partnership, kita akan saksikan beberapa perubahan.

"Prospek ganjaran lebih baik dan fasiliti kesihatan dinaik taraf yang bakal dicapai melalui subsidi silang oleh pendapatan baharu daripada 'perkhidmatan ekonomi premium '#RakanKKM' diharapkan dapat meningkatkan insentif untuk mereka kekal dalam sektor awam.

"Langkah jangka pendek termasuk kenaikan dan pelarasan gaji, jadual kerja lebih anjal dan membenarkan amalan lokum.

"KKM terus komited untuk meningkatkan keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan serta kebajikan profesional perubatan seluruhnya," katanya.

Mengenai kekurangan kakitangan di Hospital Seri Manjung, Perak, Dzulkefly berkata, bahagian sumber manusia akan memindahkan lebih banyak doktor ke jabatan kritikal.

Tenaga pakar letak jawatan rugikan sektor kesihatan negara. (Foto hiasan)

"Terdapat peningkatan pengagihan doktor ke semua fasiliti KKM setiap tahun dan sebuah kohort baharu doktor baru sahaja diagihkan pada minggu lepas.

"Oleh itu, Hospital Seri Manjung juga akan segera menerima tambahan kakitangan perubatan.

"Cabaran ini juga bukan terhad kepada Hospital Seri Manjung, namun dihadapi di seluruh negara.

"Oleh itu, KKM akan berusaha sedaya upaya menangani keperluan mendesak ini," katanya dan menambah beliau kekal komited merealisasikan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan.

Katanya, separuh daripada lebih 6,000 pegawai perubatan yang berhenti, dalam tempoh 2019 hingga 2023 adalah pegawai kontrak (MO) diserapkan ke jawatan tetap.

Dzulkefly berkata, langkah berhenti itu adalah sebagai prosedur yang ditetapkan dalam penjawatan tetap kerajaan.

"Penting untuk diperhatikan angka ini termasuk 3,200 pegawai perubatan kontrak (MO) yang meletak jawatan untuk beralih ke jawatan tetap, sebagai sebahagian daripada prosedur yang ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan di laman X, kelmarin.

Dzulkefly dalam jawapan bertulis Dewan Negara, baru-baru ini menyebut, seramai 6,417 orang pegawai perubatan lantikan tetap dan kontrak meletakkan jawatan sejak 2019 hingga 2023.

Katanya, seramai 1,046 pakar perubatan turut meninggalkan perkhidmatan awam dalam tempoh sama manakala 63 pakar perubatan lain pula memilih untuk bersara pilihan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

8 NASIONAL
SINAR HARIAN • ISNIN 23 DISEMBER 2024

TELUS & TULUS Sinar Harian sinarharian.com.my

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

SINAR HARIAN M/S 8 NASIONAL 23/12/2024 (ISNIN)

3,200 doktor beralih jawatan tetap

Menteri jawab isu peletakan jawatan lebih 6,000 doktor sepanjang lima tahun

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan (KKM) tidak memandang enteng lebih 6,000 doktor yang meletak jawatan sepanjang lima tahun lepas, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau berkata, jumlah tersebut juga termasuk 3,200 pegawai perubatan (MO) kontrak yang meletak jawatan untuk beralih ke jawatan tetap, selain sesetengah doktor beralih ke bidang akademik namun masih menyumbang kepada pengukuhan sektor kesihatan awam.

"Saya akui dan sedari sepenuhnya bahawa KKM kekurangan kakitangan. Manakala dalam itu, sesetengah warga KKM juga terpaksa menanggung bebanan tugas lebih daripada rakan lain. Saya pastinya tidak akan menafikan situasi ini.

"Namun, walau dengan segala kekangan yang wujud, saya akan pastikan bahawa semua isu dihadapi oleh warga KKM di lapangan akan ditangani dalam penggal kedua saya sebagai Menteri Kesihatan," katanya dalam catatan di Facebook.

Catatan berkenaan sebagai membalas pertanyaan pakar perunding nefrologi, Dr Rafidah Abdullah yang ingin tahu perancangan dan strategi KKM dalam mengatasi situasi isu peletakan jawatan oleh doktor.

DR DZULKEFLY

Dr Dzulkefly berkata, ketirisan bakat kekal menjadi cabaran signifikan dalam semua industri termasuk sektor kesihatan dan KKM tidak dapat menghalang MO dan pakar perubatan daripada berhijrah ke sektor swasta, walaupun telah melaksanakan beberapa strategi untuk mengekalkan mereka dalam sektor awam.

"Dalam jangka sederhana, dengan inisiatif Rakan KKM Partnership, kita akan saksikan beberapa perubahan. Prospek ganjaran lebih baik dan fasiliti kesihatan dinaik taraf yang bakal dicapai melalui subsidi silang oleh pendapatan baharu daripada perkhidmatan ekonomi premium #RakanKKM diharapkan dapat meningkatkan insentif untuk mereka kekal dalam sektor awam.

"Langkah jangka pendek termasuk kenaikan dan pelarasan gaji, jadual kerja lebih anjal dan membenarkan amalan lokum. KKM terus komited untuk meningkatkan keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan serta kebajikan profesional perubatan seluruhnya," ujarnya.

Mengenai kekurangan kakitangan di Hospital Seri Manjung, Perak, Dr Dzulkefly berkata, Bahagian Sumber Manusia akan mengagihkan lebih banyak MO ke jabatan yang kritikal.

"Terdapat peningkatan pengagihan MO ke semua fasiliti KKM setiap tahun, dan sebuah kohort baharu MO baru sahaja diagihkan pada minggu lepas. Oleh itu, Hospital Seri Manjung juga akan segera menerima tambahan kakitangan perubatan.

"Cabaran ini juga bukan terhad kepada Hospital Seri Manjung sahaja, namun dihadapi di seluruh negara. Oleh itu, KKM akan berusaha sedaya upaya untuk menangani keperluan mendesak ini," ulasnya dan menambah beliau kekal komited untuk merealisasikan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan. - *Bernama*

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : LOKAL

HARIAN METRO m/s 17 LOKAL 23/12/2024 (ISNIN)

KKM AMBIL TINDAKAN TANGANI MASALAH

6k doktor berhenti

Bernama

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan (KKM) tidak memandang enteng lebih 6,000 doktor yang meletak jawatan sepanjang lima tahun lalu.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad ***(gambar)*** berkata, ia termasuk 3,200 pegawai perubatan (MO) kontrak yang meletak jawatan untuk beralih ke jawatan tetap.

Menurutnya, selain itu sesetengah doktor beralih ke bidang akademik namun masih menyumbang kepada pengukuhan sektor kesihatan awam.

"Saya akui dan sedari sepenuhnya bahawa KKM kekurangan kakitangan. Manakala dalam itu, sesetengah warga KKM juga terpaksa menanggung bebanan tugas lebih daripada rakan lain. Saya pastinya tidak akan menafikan situasi ini.

"Namun, walau dengan segala kekangan yang wujud, saya akan pastikan semua isu dihadapi oleh warga KKM di lapangan akan ditangani dalam penggal kedua saya sebagai Menteri Kesihatan," katanya dalam catatan di Facebook.

Catatan berkenaan sebagai membalas pertanyaan pakar perunding nefrologi Dr Rafidah Abdullah yang ingin tahu perancangan dan strategi KKM dalam mengatasi situasi isu peletakan jawatan oleh doktor.

Dr Dzulkefly berkata, ketirisan bakat kekal menjadi cabaran signifikan dalam semua industri, termasuk sektor kesihatan dan KKM tidak dapat menghalang MO dan pakar perubatan daripada berhijrah ke sektor swasta, walaupun sudah melaksanakan beberapa strategi untuk mengekalkan mereka dalam sektor awam.



"Dalam jangka sederhana, dengan inisiatif Rakan KKM Partnership, kita akan saksikan beberapa perubahan. Prospek ganjaran lebih baik dan fasiliti kesihatan dinaik taraf - yang bakal dicapai melalui subsidi silang oleh pendapatan baharu daripada 'perkhidmatan ekonomi premium '#RakanKKM' - diharapkan dapat meningkatkan insentif untuk mereka kekal dalam sektor awam.

"Langkah jangka pendek termasuk kenaikan dan pelarasan gaji, jadual kerja lebih anjal, dan membenarkan amalan lokum. KKM terus komited untuk meningkatkan keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan, serta kebajikan profesional perubatan seluruhnya," katanya.

Mengenai kekurangan kakitangan di Hospital Seri Manjung, Perak, Dr Dzulkefly berkata, Bahagian Sumber Manusia (BSM) akan mengagihkan lebih banyak MO ke jabatan kritikal.

"Terdapat peningkatan pengagihan MO ke semua fasiliti KKM setiap tahun, dan sebuah kohort baharu MO baru sahaja diagihkan pada minggu lepas. Oleh itu, Hospital Seri Manjung juga akan segera menerima tambahan kakitangan perubatan.

"Cabaran ini juga bukan terhad kepada Hospital Seri Manjung sahaja namun dihadapi di seluruh negara.

"Oleh itu, KKM akan berusaha sedaya upaya untuk menangani keperluan mendesak ini," katanya dan menambah beliau kekal komited untuk merealisasikan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

KKM kekurangan kakitangan di mana terdapat dalam kalangan itu yang terlebih waktu bekerja. – GAMBAR HIASAN

KOSMO M/S 4 NEGARA 23/12/2024 (ISNIN)

Doktor letak jawatan termasuk 3,200 ke jawatan tetap

PUTRAJAYA – Lebih 6,000 pegawai perubatan Kementerian Kesihatan (KKM) yang dilaporkan meletakkan jawatan dalam tempoh lima tahun lalu turut melibatkan 3,200 pegawai perubatan kontrak yang beralih ke jawatan tetap.

Penjelasan itu dibuat Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad menerusi hantaran X yang turut menyifatkan langkah dibuat pegawai perubatan kontrak itu sebagai sebahagian prosedur ditetapkan KKM.

Katanya, jumlah itu turut melibatkan sesetengah doktor yang beralih ke bidang akademik, namun masih menyumbang kepada pengukuhan sektor kesihatan awam.

"Saya telah mendengar semua kebimbangan anda dan juga doktor kami. Saya mengakui bahawa KKM kekurangan kakitangan di mana sesetengah daripada mereka terlebih bekerja.

"Meskipun wujud kekangan masa, saya akan pastikan semua isu dihadapi di lapangan dapat ditangani," katanya sebagai memberi reaksi kepada hantaran pakar nefrologi, Dr. Rafidah Abdullah yang mahu mengetahui langkah kawalan yang akan diambil KKM berhubung isu itu.

Terdahulu, Dr. Dzulkefly mendedahkan seramai 6,417 pegawai perubatan lantikan tetap dan kontrak meletakkan jawatan sejak 2019 hingga 2023.

Ujarnya, KKM turut memperkenalkan beberapa langkah strategik bagi mengekalkan pegawai perubatan meskipun menyifatkan tidak dapat menghalang kumpulan itu sekiranya ingin berpindah termasuk ke sektor swasta.

"Dalam jangka sederhana, menerusi inisiatif Rakan KKM Partnership kita akan saksikan beberapa perubahan.

"Ia termasuk prospek ganjaran lebih baik dan fasiliti kesihatan dinaik taraf di mana bakal dicapai melalui subsidi silang oleh pendapatan baharu daripada perkhidmatan ekonomi premium iaitu Rakan KKM," tambahnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Laksana segera sistem DRG - MCA

SHAH ALAM - Kerajaan digesa segera melaksanakan sistem kumpulan berkaitan diagnosis (DRG) bagi menyeragamkan bayaran dan mengawal kos perubatan swasta yang menjadi antara punca kenaikan premium insurans kesihatan.

Naib Presiden MCA, Datuk Lawrence Low berkata, pelaksanaan sistem ini akan membantu mengurangkan beban ditanggung pemegang polisi insurans.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan juga boleh mempelajari amalan antarabangsa seperti di Amerika Syarikat (AS) melalui Peraturan Ketelusan Harga Hospital yang memberi mandat kepada hospital mendedahkan semua kos terlebih dahulu bagi memastikan ketelusan dan menangani beban kewangan berlebihan ditanggung pengguna.

Pelaksanaan sistem DRG akan membantu mengurangkan beban yang ditanggung pemegang polisi insurans.

LAWRENCE

"Dengan adanya ketelusan harga mandatori mengurangkan pembayaran insurans disebabkan perkhidmatan tidak perlu atau melambung, mengurangkan tekanan bayaran premium.

"Selain itu, kerajaan juga harus menggalakkan rundingan harga antara institusi penjagaan kesihatan dan penanggung insurans. Ini akan membolehkan penanggung insurans menyemak kos perubatan dengan lebih ketat supaya perbelanjaan berlebihan tidak ditanggung pemegang polisi secara langsung bagi menangani kenaikan premium.

"Selain itu, kerajaan juga harus bekerjasama dengan penanggung insurans untuk membangunkan produk insurans kos efektif menawarkan fleksibiliti lebih besar untuk kumpulan pendapatan berbeza," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Terdahulu, Bank Negara Malaysia (BNM) sebelum ini dilapor memberi jaminan sekurang-kurangnya 80 peratus pemegang polisi hanya menghadapi pelarasan premium tahunan disebabkan inflasi tuntutan perubatan kurang 10 peratus sehingga akhir 2026.

Jaminan itu antara empat langkah interim dipersetujui dengan industri insurans dan takaful untuk membantu pemegang polisi yang mengalami perubahan premium produk insurans/takaful perubatan dan kesihatan (MHIT).

Sementara itu, Lawrence berkata, secara asasnya MCA menyokong langkah interim diumumkan BNM untuk menangani kenaikan premium insurans perubatan.

Bagaimanapun katanya, langkah itu hanya bersifat sementara dan tidak akan menyelesaikan isu asas kenaikan kos perubatan dan ketidakseimbangan sistem insurans.

"Jadi, kerajaan mesti segera melaksanakan pembaharuan dalam sistem penjagaan kesihatan untuk mengelakkan beban jangka panjang kos perubatan yang tinggi," ujarnya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : NASIONAL

HARIAN METRO M/S 22 23/12/2024(ISNIN)

Sumbangan RM60j percepat pembaharuan kesihatan

Kuala Lumpur: Kerajaan bersama-sama dengan penginsurans dan pengendali takaful (ITO) serta hospital swasta akan memberikan sumbangan sebanyak RM60 juta untuk mempercepat pembaharuan kesihatan, kata Bank Negara Malaysia (BNM).

Bank pusat berkata, ini termasuk pelaksanaan model pembayaran *Diagnosis-Related Group* dan penyiaran kos prosedur perubatan lazim bagi meningkatkan ketelusan.

"Selain daripada itu, sebahagian daripada dana ini juga akan digunakan untuk menyokong pembangunan produk asas MHIT (insurans/ takaful perubatan dan kesihatan) yang meliputi keperluan penjagaan kesihatan penting dan memudahkan pemegang polisi yang berumur 60 tahun ke atas membuat pertukaran kepada produk asas baharu apabila ditawarkan," katanya dalam satu kenyataan.

BNM dan semua pihak berkepentingan termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), hospital swasta dan ITO komited untuk terus mengukuhkan lagi kerjasama dalam usaha mengawal inflasi kos perubatan dengan berkesan.

Usaha ini termasuk pemakluman yang lebih telus mengenai harga ubat-ubatan, kemajuan usaha pendigitalan bagi membolehkan perkongsian rekod perubatan elektronik yang akan mengurangkan keperluan pesakit untuk menjalani ujian yang sama berulang kali, dan pembelian secara strategik oleh sektor swasta dan awam bagi mengurangkan kos.

"Kemajuan langkah-langkah ini akan dipantau bagi memastikan hasil yang dihasratkan iaitu pengurangan inflasi kos perubatan dicapai.

"Hal ini juga penting untuk peralihan ke arah penyediaan produk MHIT yang mampan pada masa hadapan," kata BNM.

Bank pusat berkata, perkara ini akan diambil kira dalam kajian semula langkah-langkah interim ini secara berkala.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : EKONOMI

SINAR HARIAN M/S 28 EKONOMI 23/12/2024 (ISNIN)

KEWANGAN

Sambut baik had kenaikan premium insurans

KUALA LUMPUR - Persatuan Perancang Kewangan Malaysia (FPAM) menyambut baik langkah Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mengehadkan kenaikan premium tahunan bagi insurans perubatan dan takaful pada 10 peratus.

Presiden FPAM, Alvin Tan bagaimanapun menegaskan bahawa kos perubatan yang meningkat dan penggunaan penjagaan kesihatan harus ditangani bagi mengelak kenaikan premium yang ketara selepas tahun 2026.

"Penyelesaian jangka panjang yang mampan amat diperlukan untuk memastikan produk MHIT (insurans/takaful perubatan dan kesihatan) kekal mampu milik untuk semua," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kebangsaan Insurans Hayat dan Penasihat Kewangan Malaysia (NAMLIFA), Krishnan Appanu menggesa agar ITO bersikap lebih telus dalam memanjangkan tempoh perubahan premium selama sekurang-kurangnya tiga tahun untuk semua pemegang polisi yang terjejas.

"BNM harus memastikan ITO mengeluarkan notis terperinci dan telus mengenai kuantum kenaikan dan menyediakan pilihan yang adil untuk pemegang polisi," katanya kepada *Bernama*.

Kos perubatan yang meningkat dan penggunaan penjagaan kesihatan harus ditangani bagi mengelak kenaikan premium yang ketara selepas tahun 2026. - *Gambar hiasan*

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : OPINION

THE STAR M/S 12 VIEWS 23/12/2024 (ISNIN)

Go beyond increasing the numbers

RECENT reports in the media have highlighted the stark realities faced by nurses in Malaysia, many of whom are being lured to work overseas by higher salaries, better working conditions, and greater professional development.

According to Health Minister Datuk Seri Dzulkefly Ahmad, data from the Malaysian Nursing Board for January to Dec 31 last year showed that 2,445 nurses had applied to work abroad.

Countries like the United States, Canada, the United Kingdom, Australia, Saudi Arabia, and Singapore are actively recruiting Malaysian nurses, offering salary packages that often far exceed their local earnings.

For instance, a nurse in the US with five years of experience can earn between RM250,000 and RM350,000 annually, a stark contrast with the RM30,000 to RM70,000 range for his/her counterparts in Malaysia.

The allure of these international positions goes beyond financial gains. Many Malaysian nurses report enduring long working hours, inadequate staffing, and insufficient support, leading to burnout and dissatisfaction. In contrast, countries that welcome Malaysian nurses typically provide more favourable working conditions.

This dichotomy highlights the urgent need for sustainable working conditions in Malaysia if we are to retain our valuable healthcare professionals.

In high demand: According to Dr Dzulkefly (centre) data from the Malaysian Nursing Board for January to Dec 31 last year showed that 2,445 nurses had applied to work abroad. — Filepic/The Star

Professional development also plays a crucial role in this outflow. Malaysian nurses aspire to enhance their skills but often find limited opportunities for advancement within the local healthcare system. On the other hand, overseas jobs frequently come with guaranteed training, certification, and paths to upward mobility.

Countries grappling with their own nursing shortages are turning to Malaysia as a source of talent, leaving many healthcare institutions here struggling to provide adequate patient care.

While the Malaysian government acknowledges the need to address the nursing shortage by increasing the intake of trainees, this will not resolve the underlying issues that drive nurses to seek employment elsewhere.

Implementing better working conditions, offering competitive salaries, and fostering a culture of professional growth are imperative. Moreover, any new shift plans for nurses must prioritise their welfare.

By addressing these core issues, the healthcare workforce can be strengthened, ensuring that citizens receive the quality care they deserve.

HO SWEET LEE
Department of Nursing
School of Medical and Life Sciences
Sunway University

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

THE STAR M/S 7 NATION 23/12/2024 (ISNIN)

Closer to becoming a real surgeon

First recipient of Malaysia-United Kingdom Travelling Fellowship heading to London

By DIVYA THERESA RAVI
divya.theresa@thestar.com.my

PETALING JAYA: Millions of fans might have swooned over Patrick "McDreamy" Dempsey in *Grey's Anatomy*, but the American medical drama series ignited something else in a young Malaysian man.

"I have always wanted to be a surgeon after watching the TV show," said surgical trainee Dr Wong Sui Weng.

It inspired him to make a meaningful impact in his life, he said.

"Surgery is a craft that relies heavily on hands-on skills, thus enabling practitioners to seek continuous improvement.

"It is one of those few specialities in medicine that provide instant gratification and allow you to make a profound impact on someone's life, such as to alleviate the pain or to cure a disease," he said.

Dr Wong, 30, is now getting closer to making his dream come true.

There is a pilot programme to provide observership opportunities for Malaysian surgical trainees in the United Kingdom.

The Malaysia-United Kingdom Travelling Fellowship (MUTF) involves the Royal College of Surgeons of Edinburgh (RCSEd), Universiti Kebangsaan Malaysia and Universiti Malaya.

Dr Wong, who is the first recipient, will begin his fellowship at St Mark's Hospital in London in May.

Dr Wong: 'Hopefully, the experiences I gain from this fellowship will be beneficial for future patients under my care.'

"I applied for this fellowship because it offers me an opportunity to observe how healthcare is delivered in a different country and setting," he said in an interview.

He said St Mark's Hospital has one of the most comprehensive sub-specialities within colorectal surgery, supported by a large, specialised team.

"This experience will provide valuable networking opportunities for future fellowships and offer learning experiences that are difficult to get in Malaysia due to resource limitations and differences in disease epidemiology.

"Hopefully, the experiences I gain from this fellowship will be beneficial for future patients under my care," he said.

He said he hopes to observe surgeries such as robotic surgery, surgery for patients with inflammatory bowel disease and complex abdominal wall reconstruction.

Recounting his time as a houseman, Dr Wong said he learnt to be independent and to deal with challenges that came his way.

"I learnt how to multitask, prioritise work and to 'make things happen' during those early years," he said.

Now, the challenges have evolved, he added, citing the need to pick up new surgical skills, handle complications and manage an ever-increasing workload.

"It is a whirlwind," said Dr Wong, who is currently a trainee lecturer in the Department of Surgery at Universiti Malaya.

Once he completes the fellowship, he plans to complete his surgical training and continue his journey to become a surgeon.

In a statement last month, the RCSEd said it has an ongoing commitment to promote surgical collaborations between the United Kingdom and Malaysia.

"The MUTF will see Malaysian surgical trainees hosted at centres of surgical excellence in the United Kingdom," it said.

The RCSEd is one of the oldest surgical corporations in the world.

Observer status: Dr Wong (left) watching a surgical operation.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Persatuan Hospital Swasta sedia runding atasi kos rawatan

Kuala Lumpur: Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) komited bekerjasama dengan kerajaan untuk mencari penyelesaian jangka panjang berhubung inflasi kos perubatan yang dikesan membebankan ramai rakyat negara.

Presidennya, Datuk Dr Kuljit Singh, berkata langkah interim oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi mengurangkan beban pemegang polisi yang mengalami peningkatan kenaikan premium dilihat hanya sebagai tindakan sementara yang memerlukan penyelesaian yang lebih berkesan.

"Keutamaan APHM adalah dalam menjaga kesejahteraan pesakit yang memerlukan rawatan dan APHM komited bekerjasama dengan kerajaan bagi mencapai penyelesaian jangka panjang yang berasaskan bukti untuk isu inflasi kos perubatan.

"Kami sedang berusaha untuk berunding dengan pihak berkepentingan utama kerajaan dan akan berkongsi lebih lanjut apabila perbincangan ini selesai," katanya kepada *BH* semalam.

Mengulas lanjut, APHM dan pengendali insurans dan takaful (ITO) bersedia bersama kerajaan untuk menyumbang ke dalam dana RM60 juta bagi mempercepatkan reformasi kesihatan rakyat.

Beliau mengulas pendedahan BNM dan Kementerian Kesihatan (KKM) kepada Ahli Parlimen dalam satu taklimat baru-baru ini, mengenai caj perubatan berbeza sehingga empat kali ganda dikesan berlaku antara pemegang insurans dan pesakit yang membayar tunai.

Ahli Parlimen PKR dalam kenyataan bersama berkata, misalnya, pesakit denggi yang menggunakan surat jaminan (GL) akan membayar RM4,978, manakala pesakit 'pay and claim' hanya membayar RM1,288 dengan perbezaan empat kali ganda.

Turut didedahkan, pesakit pneumonia yang menggunakan GL membayar RM6,859 dan pesakit 'pay and claim' hanya membayar RM2,654, dengan perbezaan tiga kali ganda, manakala pesakit katarak yang membayar RM6,000 melalui insurans, manakala tidak berinsurans hanya membayar RM3,000 dengan perbezaan sekali ganda.

Dr Kuljit Singh

Mangsa kemalangan yang memasuki hospital swasta juga dicaj RM200,000, manakala memasuki Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) hanya membayar RM70,000 untuk merawat kaki patah, dengan perbezaan tiga kali ganda.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dalam Negeri

Minda Pengarang

MOHAMAD AZLAN JAAFAR

UT M/S 2 D/NEGERI 23/12/2024 (ISNIN)

Kanser dalam sistem penjagaan kesihatan

KENAIKAN premium insurans perubatan antara 40 hingga 70 peratus menyebabkan kemarahan banyak pihak terutama orang ramai. Mereka mengeluh bahawa terpaksa menambah perbelanjaan bulanan sebanyak beberapa ratus ringgit.

Golongan terkesan adalah yang dalam usia 30-an atau yang baru mempunyai anak. Golongan "tua" yang tidak mungkin nampak muda walaupun beratus kali ke spa juga terkesan berikutan pendapatan terhad.

Ada yang memilih untuk membatalkan pelan insurans perubatan masing-masing terutama untuk anak-anak. Mereka menyerahkan takdir "penjagaan kesihatan" di hospital kerajaan walaupun terpaksa menunggu lama.

Bank Negara Malaysia (BNM) telah campur tangan dan mengehadkan kenaikan kepada 10 peratus sebagai langkah jangka pendek bagi menangani masalah itu. Bank pusat yang menyelia industri insurans mendedahkan bagaimana mereka yang datang tanpa insurans membayar 80 peratus lebih rendah berbanding yang datang dengan surat akuan perlindungan insurans.

BNM berkata kawal selia caj hospital adalah tugas Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan pula menegaskan akan melihat undang-undang berkaitan caj di hospital swasta. Seperti biasa di Malaysia yang tercinta, banyak episod Sinetron "salah menyalah".

Ada banyak isu dalam penjagaan kesihatan yang melangkaui hanya caj hospital dan insurans. Kesesakan teruk dan kekurangan hospital awam mendorong orang ramai mencari alternatif lebih baik.

Wang tambahan dilabur ke dalam insurans perubatan dengan harapan menjadi golongan "elit" kerana dapat ke hospital swasta tanpa perlu berbaris berjam-jam. Menyedari peluang yang ada, datanglah golongan kapitalis yang melihat apabila ada permintaan, maka di situ ada peluang meraih keuntungan.

Maka lebih banyak hospital swasta dibina sejak lebih dua dekad lalu. Tidak kurang transaksi mengambil alih hospital sedia ada kerana penjagaan kesihatan dianggap kalis kemelesetan ekonomi. Masa ekonomi teruk orang tetap sakit. Maka sesetengah transaksi membabitkan hospital melonjak daripada RM1 juta setiap katil kepada RM5 juta setiap katil. Hospital swasta 200 katil yang sebelum ini berharga RM200 juta menjadi RM1 bilion. Untuk meraih semula pulangan pelaburan RM1 bilion, maka caj dinaikkan.

Syarikat insurans menjangka dapat meraih keuntungan daripada pelbagai polisi mula sedar tawaran sebelum ini tidak dapat menampung kenaikan. Sekurang-kurangnya mereka cuba mengekalkan keuntungan. Harus diingat kalau berniaga untuk rugi, lebih baik jangan berniaga.

Jadi semua ini membawa kepada masalah yang dihadapi hari ini. Salah siapa? Masyarakat semakin menua? Selain ada ubat yang menghalang seseorang menjadi tua dan kerepot, mereka pasti akan sakit satu hari nanti.

Masalah masyarakat berhadapan pelbagai penyakit? Itu semua suratan untuk punca kematian. Kerakusan meraih keuntungan? Itu kerja kapitalis. Apa yang berlaku bermula berdekad lalu dan bukan sekarang. Kegagalan melabur dalam penjagaan kesihatan awam selaras peningkatan usia bermula sejak berzaman.

Unjuran yang salah serta mengambil mudah bahawa apa yang ada mencukupi oleh Kementerian Kesihatan sejak sekian lama. Kita tidak boleh membaling batu kalau tinggal di rumah kaca. Seperti bola sepak negara yang gagal, begitu juga sistem kesihatan awam negara.

Mohamad Azlan Jaafar adalah Pengarang Kumpulan Media Mulia Sdn. Bhd.